

[ENGLISH]

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

Authorisation for processing of personal data of individuals applying for a position within MyHSR

By agreeing to this notice, you consent to MyHSR Corporation Sendirian Berhad (“**MyHSR**”) processing the following personal data as provided by you and/or the service providers engaged by MyHSR and/or obtained from the public domain:

- Name;
- NRIC number/passport number;
- Curriculum vitae including education information;
- Signature;
- Contact details including telephone number, email and mailing addresses;
- Results of security screening; and
- All other personal data provided by you and/or the service providers and/or obtained by us from public domain.

We will process the personal data for the following purposes (unless you specify otherwise):

- To consider, evaluate and select you for a position within MyHSR or any of its related and associate companies and affiliates;
- To develop and store a list of possible potential candidates to fill in a future post or position within MyHSR or any of its related and associate companies and affiliates;
- Background and security screening (both within Malaysia and internationally);
- Administrative purposes;
- Security and access within MyHSR; and
- Contact purposes.

The information is necessary to us. If you do not provide all the information requested, we will not be able to keep your complete record of information, thus affecting our ability to accomplish the above stated purposes.

Disclosure of information

MyHSR may disclose your personal data to the following parties (unless you specify otherwise):

- agents and service providers (including those overseas) who provide services relating to the purposes for which the personal data is collected including data processing services;
- any person, who is under a duty of confidentiality who has undertaken the responsibility to keep such data confidential; and
- MyHSR's related, associate companies and affiliates.

We do not disclose your personal data to unaffiliated third parties without your consent. However, we may disclose your personal data if required by law or in good faith, if such action is necessary to comply with any law enforcement agency requirements, court orders or legal processes.

Sensitive information

By clicking on the consent button at the end of this notice, you give us your explicit consent to process your sensitive personal data such as your mental or physical health and condition, religious beliefs and misconducts (if any) for the purposes described above or as required by law.

We may also obtain your sensitive personal information from other parties when it is allowed by law.

Access, corrections and complaints

If you would like to make any inquiries or complaints or requests to access, correct or limit our processing of your personal data, you may do so through our website or contact our Officer at 03-2718 4345 or e-mail to careers@myhsr.com.my or fax to 03-2718 4342, subject to any applicable legal restrictions, conditions and a reasonable time period.

In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

[BAHASA MALAYSIA]

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kebenaran untuk memproses data peribadi individu yang memohon jawatan di MyHSR

Dengan persetujuan anda ke atas notis ini, anda membenarkan MyHSR Corporation Sendirian Berhad (“**MyHSR**”) memproses data peribadi berikut yang diberikan oleh anda dan/atau oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh MyHSR dan/atau yang diperolehi daripada domain awam:

- Nama;
- Nombor kad pengenalan/pasport;
- Butiran peribadi (CV) termasuk maklumat pendidikan;
- Tandatangan;
- Butir-butir perhubungan termasuk nombor telefon bimbit, alamat emel dan alamat surat-menyurat;
- Keputusan pemeriksaan keselamatan (*security screening*); dan
- Semua data peribadi lain yang diberikan oleh anda dan/atau oleh pembekal perkhidmatan dan/atau yang kami perolehi daripada domain awam.

Kami akan memproses data peribadi tersebut bagi tujuan-tujuan yang berikut (melainkan anda menyatakan sebaliknya):

- Untuk mempertimbangkan, menilai dan memilih anda bagi jawatan di MyHSR atau untuk mana-mana syarikat yang berkaitan dengan MyHSR;
- Untuk menyediakan dan menyimpan senarai calon berpotensi untuk mengisi jawatan kosong di MyHSR atau di mana-mana syarikat yang berkaitan dengan MyHSR pada masa depan;
- Untuk pemeriksaan latar belakang dan keselamatan (di Malaysia atau di peringkat antarabangsa);
- Untuk tujuan pentadbiran;
- Untuk akses dan keselamatan di dalam MyHSR; dan
- Untuk tujuan perhubungan.

Kami memerlukan maklumat data peribadi anda. Sekiranya anda gagal untuk menyediakan semua maklumat data peribadi seperti yang diminta, kami tidak dapat menyimpan rekod yang lengkap mengenai anda, dan ini akan menjejaskan keupayaan kami untuk memproses data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.

Penzahiran maklumat anda

MyHSR mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (melainkan anda menyatakan sebaliknya):

- ejen-ejen dan pembekal-pembekal perkhidmatan (termasuk yang berada di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan tujuan data peribadi dikumpul termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan pemprosesan data;
- mana-mana individu di bawah kewajipan kerahsiaan yang telah mengaku janji untuk memastikan data tersebut dirahsiakan; dan
- syarikat-syarikat yang berkaitan dengan MyHSR.

Kami tidak akan mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan MyHSR tanpa kebenaran anda. Walau bagaimanapun, kami mungkin akan mendedahkan data peribadi anda jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau secara suci hati, jika tindakan tersebut adalah perlu untuk mematuhi keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang.

Maklumat-maklumat sensitif

Dengan mengklik butang kebenaran di akhir notis ini, anda memberikan kami persetujuan nyata anda untuk kami memproses data peribadi sensitif anda seperti kesihatan mental atau fizikal anda, kepercayaan agama anda dan pelakuan apa-apa kesalahan (jika ada) bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

Kami juga mungkin akan mendapatkan maklumat sensitif anda daripada pihak-pihak lain apabila ia dibenarkan di bawah undang-undang.

Akses, Pembetulan dan Aduan

Jika anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses atau membetulkan atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, anda boleh melayari laman web kami atau menghubungi Pegawai kami di 03-2718 4345 atau emel kepada careers@myhsr.com.my atau faks kepada 03-2718 4342, tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat ditetapkan dan tempoh masa yang munasabah.

Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia notis ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.